



UiTM@Media

2016

Karya Inovasi

UiTM@Media
2016



Bersama
Faizal Hamid

Pensyarah kanan
di Jabatan Fesyen,
UiTM, Shah
Alam dan pakar
perunding fesyen
e-mel:
faizalhamid1971@yahoo.com

info.

Motif polka dot

- **Berasal** daripada nama tarian di Eropah, pada 1940.
- **Istilah** polka dot digunakan dalam revolusi budaya pop.
- **Kembali** popular selepas penyanyi tersohor, Adele mengenakan penggayaan pada majlis penghargaan Grammy Award 2012.
- **Jenama** fesyen terulung, D&G - ketengahkan motif polka dot pada Minggu Fesyen Milan bunga/panas 2016.
- **Sinonim** dengan elemen penggayaan vintaj.

Corak polka dot

Rekaan dan fesyen klasik jadi pilihan sepanjang zaman

Dari era Minnie Mouse yang menggayakan ruffled skirt hingga kepada Betty Page yang memakai bikini menjadikan fesyen berkenaan begitu popular pada zaman itu dan menjadi ikutan ramai pencinta fesyen.

Reka corak polka dot lama dipakai dan diterima oleh semua, khususnya penggemar fesyen dengan hati terbuka. Ia adalah definisi kepada gaya *flirty & innocent* menyerlahkan perwatakan kewanitaan dalam berfesyen.

Yang pasti, pemilihan corak polka dot ini bukan saja digemari penggemar dan pereka melahirkannya rekaan pakaian, sebaliknya turut digunakan dalam menghasilkan aksesori dan hiasan rumah.

Ilham pelbagai fesyen

Ramai pereka fesyen antarabangsa dan tempatan gemar corak dan warna polka dot yang lazimnya

padanan rona hitam dan putih untuk pakaian, ada pada gaun, skirt, kemeja, bikini dan tali leher.

Polka dot turut dijadikan ilham untuk menghasilkan aksesori seperti tali pinggang, skarf, rantai dan subang yang memberikan gaya berbeza, cukup dramatik dan mengoda.

Reka corak klasik ini kelihatan cukup segar dan ceria apabila dipadankan dengan gaya, *silhouette* dan fabrik yang lebih canggih.

Sememangnya rekaan polka dot adalah sebahagian daripada kegiatan memori retro dan menampakkan keceriaan, kegembiraan dan jiwa muda. Paling penting, kita perlu bijak bereksperimentasi dan berani mencuba.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

1

Tip untuk
menggayakan
reka corak
polka dot:

Polka dot hebat
digayakan
untuk acara
siang petang
atau malam.



2

Warna hitam
dan putih adalah
kombinasi klasik
reka corak ini, sesuai
digayakan pada acara
formal. Padanan
warna coklat dan
putih memberikan
nafas dan lebih
kontemporari.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH
↗



mentor

3

Reka corak ini terdapat dalam pelbagai saiz kecil dan besar. Lebih abstrak dalam warna penuh variasi, pilihannya juga tidak terbatas.


Ia sesuai digayakan untuk aktiviti kasual atau formal. Secara amnya, polka dot bersaiz kecil memberi gambaran lebih santai, manakala yang bersaiz liang jarum (*pin-size*) kelihatan lebih formal.

5

Pemakaian skarf, baju dan rantai dalam reka corak ini juga, membangkitkan gaya *trendy, hip* dan *cool* sealiran trend masa kini.



BERSAMBUNG
DI SEBELAH



4 Berbanding dengan reka corak yang kecil, polka dot bersaiz besar cukup segar dan memikat golongan muda-mudi. Rona yang menjadi pilihan pula adalah yang lebih terang dan berani.



7 Antara gaya dalam reka corak polka dot yang menjadi ikutan adalah gaun yang dipakai dengan leggings, wrap dress, gaun potongan baby doll dan gaun dengan pemakaian tali pinggang bersaiz lebar), gaun tanpa lengan, baju halter, skirt kembang dan pelbagai variasi gaya yang lain.

6 Untuk mereka yang mahu menggayaikan trend ini, tetapi mahukan alternatif, selain pakaian, anda boleh mendapatkan aksesori kecil atau kasut dalam reka corak polka dot ini.

Untuk lelaki, anda boleh dapatkan tali leher atau stoking dengan polka dot kecil putih berlatarkan rona biru kelasi. Apa pun terpulang kepada cita rasa anda sendiri, yang penting anda berani mencuba.



UiTM@Media 2016

• **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

• **Ketua Projek**

Alfina Bakar

• **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

• **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

• **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

• **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

• **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

• **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

